

Newspaper

Berita Harian

Date

16 January 2016

Tiada kenaikan kadar GST

BH - 16/1/2016

» *Keupayaan rakyat terima peningkatan perlu diambil kira: PM*

Oleh Magendran Rajagopal dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

► Purajaya

Datuk Seri Najib Razak, memberi jaminan tidak akan berlaku peningkatan kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dalam pengubahsuaian Bajet 2016 yang akan dibentangkan pada 28 Januari ini.

Malah, Perdana Menteri berkata, GST tidak termasuk dalam pengubahsuaian Bajet 2016 dan tidak dibincangkan langsung ketika mesyuarat bersama penganalisis ekonomi, peneraju industri dan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) di Perdana Putra, di sini semalam.

"Pada masa sekarang, kita tidak membayangkan kepada peningkatan GST, saya fikir keupayaan dan kebajikan orang ramai untuk menerima sebarang peningkatan perlu diambil kira.

"Saya fikir orang ramai tidak ada keupayaan untuk menerima sebarang pertambahan atau peningkatan GST sekarang. Penambahan GST tidak dipertimbangkan," katanya pada sidang media selepas pertemuan selama tiga jam itu.

Beliau menjawab soalan pemberita yang ingin tahu sama ada kerajaan mempunyai cadangan untuk menyemak semula kadar GST berikutan tidak ketentuan harga minyak



“
Saya fikir orang ramai tidak ada keupayaan untuk menerima sebarang pertambahan atau peningkatan GST sekarang. Penambahan GST tidak dipertimbangkan”

Najib Razak,
Perdana Menteri

serta ekonomi dunia.

Najib mengpergunakan sendiri tiga sesi perbincangan dengan penganalisis ekonomi, wakil sektor swasta merangkumi peneraju industri dan sesi Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE), yang dipengerusikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Tumpu perkara beri kesan positif

Perdana Menteri berkata, pengubahsuaian Bajet 2016 akan memberi tumpuan kepada perkara yang memberi kesan positif kepada pasaran dan rakyat serta mesti diterima baik oleh kedua-dua pihak.

Katanya, pertemuan dengan penganalisis dan ahli ekonomi, peneraju industri serta JKE diadakan bagi memastikan proses rundingan yang menyeluruh dan mendapatkan pandangan untuk dijadikan pertimbangan bagi pengubahsuaian bajet.

Beliau berkata, secara umum-

nya mereka menerima secara positif bahawa seperti mana tahun lalu, kerajaan sudah mengambil langkah yang begitu proaktif yakni tidak mahu sesuatu keadaan itu berlaku dan memberi tekanan kepada ekonomi negara serta menyusahkan rakyat.

"Kita mengambil langkah lebih awal lagi, maknanya dengan tindakan proaktif kerajaan ini kita tidak mahu keadaan semasa menjadi di luar

kawalan kita untuk mengatasinya. Kita harus boleh mengambil tindakan bersesuaian bagi mengurangkan sebarang kesan negatif terhadap ekonomi dan kebajikan rakyat.

"Ada banyak cadangan dikemukakan, saya bersama Wahid dan sekretariat sudah menyenaraikannya serta akan menelitinya secara serius sebelum menghuraikannya lebih lanjut pada 28 Januari ini (pengubahsuaian Bajet 2016)," katanya.



Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Official)

January 9 at 1:48am · 🇲🇾

Apakah Najib memberi bayangan bahawa kadar GST bakal dinaikkan? Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menyatakan bahawa GST telah menyelamatkan ekonomi negara dengan menampung harga kerajaan daripada pengurangan hasil cukai petroleum.

Apakah PM sedang memberikan bayangan bahawa kadar GST akan dinaikkan, atau GST bakal dilebarkan untuk meliputi lebih banyak jualan dan perkhidmatan termasuklah RON95 dan bayaran tol? Terus menampung hasil negara memandangkan harga minyak sedur, dijangka mengambil masa yang lama untuk pulih?

Perkara ini tidak mustahil. Atas alasan 'menyelamatkan negara', kini digelar sebagai penyelamat. Atas alasan 'menyelamatkan negara' juga kadar GST boleh dinaikkan.

Spekulasi kadar GST naik yang diviralkan dalam media sosial.